


V



PEMBENTUKAN MALAYSIA
FORMATION PROCESS OF MALAYSIA



5.1

Konsep Gagasan Malaysia

Konsep Melayu Raya



- Dikemukakan oleh gerakan nasionalis sebelum Perang Dunia Kedua yang mahu mendapatkan kemerdekaan wilayah Alam Melayu daripada kuasa penjajah British, Belanda dan Amerika Syarikat.
- Idea ini tidak berjaya dilaksanakan .

Idea Penyatuan Wilayah Penguasaan British di Asia Tenggara


- Menyatukan wilayah dalam satu sistem pentadbiran dan ekonomi.
- Bertujuan memudahkan pentadbiran pihak British.



Idea Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

- Penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei untuk merdeka dalam satu sistem Kerajaan Persekutuan.





5.2

Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Malaysia



IDEA PEGAWAI BRITISH



1887

- Dikemukakan oleh Lord Brassey, Pengarah Syarikat Berpiagam Borneo Utara di Dewan Parlimen British.
- Mencadangkan penggabungan Sarawak, Sabah, negeri Melayu dan NNS supaya menjadi tanah jajahan yang besar.
- Tujuan : Pegawai British melihat potensi ekonomi melalui penggabungan wilayah ini.

1951

- Dikemukakan oleh Sir Malcolm Macdonald, Gabenor Jeneral British di Asia Tenggara.
- Mencadangkan penggabungan tanah jajahan British di Asia Tenggara bagi membentuk satu entiti politik dan ekonomi.
- Tujuan : Menyesuaikan cadangan ini dengan rancangan dekolonisasi.
- Usaha : Mengadakan perbincangan dengan Dato' Onn Jaafar, pemimpin United Malays National Organisation (UMNO) dan ahli Majlis Perundangan Persekutuan berkaitan dengan usaha menggabungkan Tanah Melayu, Singapura dan wilayah Borneo.


1952

- Dikemukakan oleh Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu.
- Meminta penggabungan wilayah ini disegerakan.
- Tujuan : Keselamatan.
- Usaha : Pada Januari 1960, mesyuarat pegawai tinggi British di Borneo bersetuju dengan cadangan pertahanan dan keselamatan.

1960

- Dikemukakan oleh Sir Geofroy Tory, Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu.
- Mencadangkan penyatuan Singapura dan PTM.
- Tujuan : Kepentingan ekonomi.





5.2

Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Malaysia



1906

Majalah Al-Imam menggesa penyatuan raja dan orang Melayu dalam pendidikan dan pembangunan ekonomi di Alam Melayu.

1938

Konsep Melayu Raya diperjuangkan oleh nasionalis Tanah Melayu. Antaranya termasuklah Ibrahim Haji Yaakob, Harun Aminurrashid, Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) dan Dr. Burhannudin al-Helmi sejak sebelum Perang Dunia Kedua. Idea mereka untuk menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia. Idea ini tidak berhasil apabila Presiden Soekarno mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia pada tahun 1945 tanpa melibatkan Tanah Melayu.

1955

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dalam ucapan di Persidangan Agung UMNO pada bulan Oktober 1955 mencadangkan Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei menyertai Persekutuan Tanah Melayu.

1958

Datu Mustapha Datu Harun, pemimpin Sabah dalam satu pertemuan dengan Tunku Abdul Rahman al-Haj di Kuala Lumpur pada tahun 1958 menyatukan minat untuk membawa Sabah bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu.

1960

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj memaklumi Lord Perth pada 10 Jun 1960 bahawa beliau berminat untuk bergabung dengan Sarawak, Sabah, Brunei dan Singapura.

5.2

Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Malaysia

K

KESELAMATAN (*Ancaman Komunis*)

Singapura

- ANCAMAN KOMUNIS DI NEGERI INI TELAH MENGGUGAT KESELAMATAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU.
- TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ MENGANGGAP SINGAPURA AKAN MENJADI PUSAT KEGIATAN KOMUNIS.
- LANGKAH PENYATUAN DENGAN SINGAPURA DAPAT MEMBERIKAN KUASA KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN DALAM BIDANG KESELAMATAN DAN PERTAHANAN BAGI MEMBENDUNG KOMUNIS DI SINGAPURA.

Sarawak

- SARAWAK BERHADAPAN DENGAN ANCAMAN KOMUNIS MELALUI GERAKAN CLANDESTINE COMMUNIST ORGANIZATION (CCO).
- DENGAN PENYERTAAN SARAWAK, KERAJAAN BRITISH BERHARAP DAPAT MEMBENDUNG ANCAMAN KOMUNIS.



5.2

Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Malaysia

K

ESIMBANGAN *Komposisi Penduduk*

Ketidakseimbangan Komposisi Penduduk



- KEPUTUSAN UNTUK MENERIMA SINGAPURA DALAM PERSEKUTUAN AKAN MEWUJUDKAN KETIDAKSEIMBANGAN KOMPOSISI PENDUDUK ANTARA ORANG MELAYU DENGAN ORANG CINA.
- PERKARA INI DIBIMBANGI OLEH TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ DAN PEMIMPIN UMNO. PENGGABUNGAN SARAWAK, SABAH DAN BRUNEI AKAN MENYEIMBANGKAN KOMPOSISI ANTARA KAUM.

M


EMPERCEPAT *Kemerdekaan*

Rancangan Dekolonisasi



- BAGI PIHAK BRITISH, PEMBENTUKAN MALAYSIA DAPAT MEREALISASIKAN RANCANGAN DEKOLONISASI SERTA MEMPERCEPAT KEMERDEKAAN WILAYAH BORNEO, TERUTAMANYA SARAWAK DAN SABAH.
- WALAU BAGAIMANAPUN, KERAJAAN BRITISH PERLU MEMASTIKAN USAHA INI MENDAPAT SOKONGAN PENDUDUK DI WILAYAH INI.





5.2

Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Malaysia



P


EMBANGUNAN *Wilayah*



Pembangunan Wilayah

- CADANGAN PENYERTAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU, SARAWAK, SABAH, SINGAPURA DAN BRUNEI MEMBENTUK SEBUAH NEGARA BERTUJUAN AGAR WILAYAH INI DAPAT BERSATU DALAM USAHA MEMPERCEPAT PELBAGAI BIDANG PEMBANGUNAN.
- PEMBENTUKAN MALAYSIA BOLEH MENINGKATKAN TARAF HIDUP PERIBUMI DALAM PELBAGAI ASPEK SEPERTI INFRASTRUKTUR, SOSIAL DAN EKONOMI YANG LEBIH SEIMBANG.





5.3

Reaksi Tempatan dan Negara Jiran terhadap Pembentukan Malaysia



Persekutuan Tanah Melayu

- Rancangan pembentukan Malaysia mendapat sambutan baik daripada penduduk dan parti politik di Persekutuan Tanah Melayu.
- Parti politik secara prinsipnya bersetuju dan menerima cadangan pembentukan Malaysia, walaupun wujud perbezaan pendapat dalam melaksanakannya.
- Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mendapat sokongan UMNO berkaitan dengan rancangan pembentukan Malaysia.




Sarawak

BARJASA yang dipimpin oleh Datuk Patinggi Abdul Rahman Ya'kub dan Datu Tuanku Haji Bujang Tuanku Othman menyokong pembentukan Malaysia. Sementara itu, PANAS yang dipimpin oleh Datu Bandar Abang Haji Mustapha, PESAKA pimpinan Temenggung Jugah Anak Barieng dan SCA turut menyokong Malaysia.

Pada peringkat awal, SUPP yang dipimpin oleh Ong Kee Hui dan SNAP yang diketuai oleh Stephen Kalong Ningkan menentang cadangan pembentukan Malaysia.

Pada peringkat awal, SNAP turut menentang rancangan pembentukan Malaysia. Walau bagaimanapun, SNAP kemudiannya menyokong berdasarkan cadangan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM).




5.3

Reaksi Tempatan dan Negara Jiran terhadap Pembentukan Malaysia



Sabah

- Menjelang pembentukan Malaysia, terdapat parti politik utama ditubuhkan. Antaranya termasuklah UNKO, USNO, Pasok Momogun dan Sabah Chinese Association (SCA). USNO yang dipimpin oleh Datu Mustapha Datu Harun menyokong idea pembentukan Malaysia sejak awal lagi.
- Parti politik di Sabah menubuhkan gabungan menyokong Malaysia yang dinamakan Sabah Alliance pada bulan Oktober 1962. Parti gabungan ini terdiri daripada UNKO, USNO, United Pasok Momogun (UPKO), Democratic Party dan Sabah Indian Congress.
- Cadangan pembentukan Malaysia mengejutkan pemimpin dan penduduk di Sabah. Mereka melahirkan keinginan untuk mendapatkan kemerdekaan secara berasingan atau membentuk sebuah Kesatuan Negeri-negeri Borneo yang merdeka.
- Kebanyakan penduduk di Sabah menganggap Tanah Melayu terasing seperti Indonesia dan Filipina. Mereka mempersoalkan keadaan pemimpin tempatan yang perlu menyesuaikan diri dengan kegiatan politik, pilihan raya dan berkerajaan sendiri yang sudah diamalkan di Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu. Pada masa yang sama, jarak antara Sarawak, Sabah dengan Kuala Lumpur yang jauh juga menimbulkan masalah.
- Disebabkan oleh kebimbangan tersebut, para pemimpin di Borneo membentuk Barisan Bersatu (United Front) pada 9 Ogos 1961 untuk mencabar rancangan pembentukan Malaysia. Barisan Bersatu ini dianggotai oleh Ong Kee Hui (Pengerusi SUPP), A.M. Azahari (Parti Rakyat Brunei) dan Donald Stephens (Fuad Stephens) daripada UNKO. Walau bagaimanapun, UNKO kemudiannya menyokong pembentukan Malaysia.




5.3

Reaksi Tempatan dan Negara Jiran terhadap Pembentukan Malaysia



Singapura

- People's Action Party (PAP) yang dipimpin oleh Lee Kuan Yew menyambut baik rancangan ini.
 - Bagi golongan pedagang dan pengusaha industri pula, mereka menyokong pembentukan Malaysia kerana membuka peluang pasaran yang lebih besar kepada industri mereka.
 - Parti lain seperti Parti Buruh Singapura pada hakikatnya bersetuju tetapi menganggap gabungan ini sebagai suatu usaha yang sukar untuk dilaksanakan.
- Parti Rakyat Singapura menentang gagasan Malaysia.
 - Barisan Sosialis juga menentang penggabungan kerana menganggap pembentukan Malaysia sebagai penjajahan baharu. Mereka mencadangkan agar pandangan rakyat diperolehi sebelum Singapura menyertai Malaysia.



Barisan Sosialis

5.3


Reaksi Tempatan dan Negara Jiran terhadap Pembentukan Malaysia

Brunei

- Sultan Brunei, iaitu Sultan Omar Ali Saifuddin mengalu-alukan cadangan pembentukan Malaysia.
- Rakyat Brunei juga pada peringkat awalnya berminat untuk menyertai gabungan ini. Namun begitu, mereka ingin mencapai kemerdekaan terlebih dahulu.
- Parti Rakyat Brunei yang dipimpin oleh A.M. Azahari menentang cadangan tersebut kerana beliau lebih berminat untuk menggabungkan Brunei, Sarawak, Sabah dan Kalimantan Utara dalam satu kesatuan. A.M. Azahari berpendapat bahawa pembentukan Malaysia merupakan satu cara kerajaan British untuk mengekalkan pengaruh agar dapat menguasai ekonomi dan menjamin keselamatan. Selain itu, mereka juga kluatir Brunei akan kehilangan sebahagian besar kekayaan sekiranya menyertai gabungan ini.



Parti Rakyat Brunei



5.3


Reaksi Tempatan dan Negara Jiran terhadap Pembentukan Malaysia

Reaksi Negara Jiran

1 Pada peringkat awal rancangan pembentukan Malaysia, kerajaan Indonesia tidak menentang. Dr. Mohammad Hatta, kerajaan Naib Presiden Indonesia dan Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia mengalu-alukan idea pembentukan Malaysia.



2 Presiden Diosdado Pangan Macapagal (Macapagal) dari Filipina menentang pembentukan Malaysia kerana menuntut wilayah Sabah. Walau bagaimanapun, bagi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tuntutan ini adalah di bawah urusan kerajaan British.



3 Kerajaan Thailand memberikan reaksi positif dan menerima idea pembentukan Malaysia. Pembentukan Malaysia dianggap memperkuatkan usaha ke arah keamanan di rantau Asia Tenggara.

5.4

Langkah Pembentukan Malaysia

I

Siri Lawatan

mengadakan lawatan ke Sarawak dan Brunei untuk meninjau dan bertemu dengan pemimpin tempatan

menerangkan rancangan pembentukan Malaysia

mengatur lawatan pemimpin Sarawak dan Sabah ke Persekutuan Tanah Melayu

mengadakan lawatan untuk meninjau kemajuan di Persekutuan Tanah Melayu

mengadakan lawatan ke Sarawak dan Sabah

mengadakan lawatan rombongan ke Sarawak dan Sabah

menunjukkan terdapat kesepakatan dalam kalangan ahli politik di Tanah Melayu untuk menjelaskan gambaran sebenar tentang rancangan Malaysia kepada penduduk Sarawak dan Sabah.

“

We are all Malaysians.
This is the bond that unites us.
Let us always remember that unity is our fundamental strength as a people and as a nation.”





5.4

Langkah Pembentukan Malaysia

II

Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia

- Malaysia Solidarity Consultative Committee (MSCC)
- ditubuhkan ketika Persidangan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Singapura pada 23 Julai 1961
- diadakan sebanyak empat kali, iaitu di Jesselton, Kuching, Kuala Lumpur dan Singapura
- terdiri daripada wakil pemimpin dari Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah
- Donald Stephens dilantik menjadi pengerusi JSKM
- memainkan peranan penting dalam memberikan kefahaman kepada pemimpin tempatan dan mendapatkan sokongan terhadap pembentukan Malaysia

Tujuan :

1. Meyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia.
2. Menyediakan ruang perbincangan bagi mendapatkan kata sepakat terhadap pembentukan Malaysia.
3. Mengumpulkan pandangan tentang pembentukan Malaysia.
4. Menyebarkan maklumat berkaitan dengan Malaysia.
5. Memupuk aktiviti penghebahan dan mempercepat pembentukan Malaysia. Aktiviti penghebahan seperti mendedahkan perkembangan kemajuan dalam bidang pentadbiran serta projek pembangunan di Persekutuan Tanah Melayu.

5.4

Langkah Pembentukan Malaysia

III

Referendum Singapura

- ✓ diadakan pada bulan Ogos 1962 hingga bulan September 1962
- ✓ menghasilkan persetujuan penyertaan Singapura ke dalam Malaysia

- Satu referendum diadakan di Singapura pada awal bulan September 1962 menyatakan bentuk pilihan Singapura menyertai Malaysia.
- Keputusan referendum mendapati rakyat Singapura bersetuju untuk bergabung membentuk Malaysia seperti syarat yang ditetapkan oleh kerajaan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu. Keputusan ini membolehkan Singapura menyertai Malaysia.



5.4

Langkah Pembentukan Malaysia

IV Rundingan London

- ✓ diadakan pada bulan November 1961
- ✓ diadakan antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan kerajaan British

how lovely yellow is.

- Kedua-dua kerajaan bersetuju agar ditubuhkan sebuah suruhanjaya bagi meninjau reaksi penduduk di Sarawak dan Sabah.



5.4

Langkah Pembentukan Malaysia

V

Suruhanjaya Cobbold

- ✓ dibentuk secara rasmi pada bulan Januari 1962
- ✓ mengandungi wakil yang dilantik oleh kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu
- Lord Cobbold dilantik menjadi Pengerusi.
- Ahli-ahli terdiri daripada Sir Anthony Abell, Sir David Watherson, Muhammad Ghazali Shafie dan Wong Pow Nee.
- Suruhanjaya ini melawat 35 pusat lawatan (20 pusat lawatan di Sarawak dan 15 pusat lawatan di Sabah)
- Menjelang bulan Jun 1962, Suruhanjaya Cobbold menyerahkan laporan kepada kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu.



5.4

Langkah Pembentukan Malaysia

VI Suruhanjaya Cobbold

Menyatakan dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia.

Mengesyorkan agar Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dijadikan asas Perlembagaan Persekutuan yang baharu.

Mencadangkan kuasa autonomi dan jaminan khas diberi kepada Sarawak dan Sabah yang tidak boleh dipinda atau dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan tanpa mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri berkenaan.



5.4

Langkah Pembentukan Malaysia

VII

Pembentukan Jawatankuasa Antara Kerajaan(JAK)



- Dikenali sebagai Inter-Governmental Committee.
- Ditubuhkan pada bulan Ogos 1962.

▪ Diwakili oleh kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.

Tujuan :

- Menyediakan rangka perlembagaan
- Membentuk keperluan melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah

- Pengerusi : Lord Lansdowne(Menteri Tanah Jajahan)
- Timbalan pengerusi : Tun Abdul Razak Hussein
- Wakil Sarawak ; Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Temenggong Jugah Anak Barieng, Pengarah Montegrari, Ling Beng Siew dan Chia Chin Sing.
- Wakil Sabah ; Ketua Setiausaha, Peguam Negeri, Setiausaha Kewangan, Datu Mustapha Datu Harun, Donald Stephens dan Koo Siak Chiew.



5.4

Langkah Pembentukan Malaysia


VII Pembentukan Jawatankuasa Antara Kerajaan(JAK)



- Mempunyai lima jawatankuasa kecil :
 - Perlembagaan
 - Kewangan
 - Perkhidmatan Awam
 - Perundangan dan Kehakiman
 - Organisasi Jabatan
- Mereka mengadakan mesyuarat pertama di Jesselton, Sabah pada 30 Ogos 1962.
- Mesyuarat terakhir diadakan di Kuala Lumpur pada 18-20 September 1962.



- Usulan 18 perkara bagi Sarawak dan 30 perkara bagi Sabah :
 - Islam ialah agama Persekutuan Malaysia tetapi dikecualikan kepada Sarawak dan Sabah.
 - Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi Persekutuan Malaysia tetapi bahasa Inggeris juga digunakan sebagai bahasa rasmi di Sarawak dan Sabah.
 - Sistem pendidikan dikekalkan di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan kecuali di Sarawak dan Sabah. Sistem pendidikan di Sarawak dan Sabah kekal di bawah kawalan Kerajaan Negeri sehingga Majlis Negeri membuat pindaan.
 - Dalam Parlimen Malaysia, sebanyak 24 kerusi hendaklah diperuntukkan kepada Sarawak, 16 kerusi kepada Sabah dan 15 kerusi kepada Singapura.
 - Kuasa imigresen terletak di bawah Kerajaan Persekutuan tetapi Sarawak dan Sabah diberi kuasa tersendiri untuk mengendalikan hal ehwal imigresen.



5.5

Perjanjian Julai 1963 dan Peristiwa Pengisytiharan Malaysia

PERJANJIAN MALAYSIA

- Dikenali sebagai Perjanjian Malaysia atau Malaysia Agreement(MA63).
- Ditandatangani pada 9 Julai 1963 di London.
- Kandungannya dikemukakan oleh Jawatankuasa Antara Kerajaan.
- Prinsipnya mengiktiraf hak yang sama kepada semua negeri dalam Malaysia.

Inti Pati Perjanjian Malaysia

Monday, 10th of May :

Tarikh pembentukan Malaysia adalah pada 31 Ogos 1963.

Sarawak, Sabah dan Singapura akan menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu.

Kerajaan British akan mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia.

Memberikan kelebihan kepada Sarawak dan Sabah menubuhkan kabinet negeri.

Memperuntukkan tempoh masa peralihan, contohnya dalam bidang pentadbiran awam serta pendidikan kepada Sarawak dan Sabah.

Kerusi Parlimen diberikan kepada Singapura sebanyak 15 kerusi; Sarawak 24 kerusi; dan Sabah 16 kerusi.

Penduduk bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.



5.5

Perjanjian Julai 1963 dan Peristiwa Pengisytiharan Malaysia

Misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu(PBB)

1

Indonesia membuat bantahan rasmi pembentukan Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu(PBB).

2

U Thant(Setiausaha Agung PBB) mengumumkan penubuhan sebuah jawatankuasa iaitu United Nations Malaysia Mission(UNMM) pada 12 Ogos 1963 untuk menilai dan membuat laporan.



3

Laurence Michelmores(Duta Amerika Syarikat di PBB) mengetuai rombongan melakukan tinjauan di Sarawak dan Sabah.

4

Pembentukan Malaysia yang sepatutnya diisytiharkan pada 31 Ogos 1963 ditangguhkan kerana laporan Setiausaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hanya dapat disiapkan pada 14 September 1963.

5

Pada 14 September 1963, misi ini menerbitkan laporan penduduk Sarawak dan Sabah menerima pembentukan Malaysia.

5.5

Perjanjian Julai 1963 dan Peristiwa Pengisytiharan Malaysia

REC



Kuala Lumpur,
16/09/63


Sarawak,
16/09/63

Sabah,
16/09/63

Yang di-Pertuan Agong membacakan Pengisytiharan Malaysia di Stadium Merdeka dan disaksikan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.

Datu Abang Haji Openg Abang Sapiee mengangkat sumpah jawatan Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Pengisytiharan Malaysia dibaca oleh Khir Johari wakil Kerajaan Persekutuan di Kuching, Sarawak. Turut hadir ialah anggota kabinet negeri.

Datu Mustapha Datu Harun mengumumkan Pengisytiharan Malaysia di Kota Kinabalu, Sabah serta menandatangani surat sumpah jawatan sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah yang pertama. Tun Abdul Razak Hussein mewakili Kerajaan Persekutuan.





5.6

Konfrontasi dan Usaha Menangani

<https://konfrontasidanusahamenangani.com.my>

KONFRONTASI

Pada 20 Januari 1963, Dr. Subandrio (Menteri Luar Indonesia) mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia dengan alasan mengancam kedudukan Indonesia.

Peristiwa Penentangan

INDONESIA

1

- ✓ Melancarkan dasar konfrontasi terhadap Tanah Melayu 'Ganyang Malaysia' pada 20 Januari 1963.
- ✓ Tentera Indonesia melancarkan serangan gerila di Sarawak bermula 16 Januari 1963 sehingga 27 Mac 1963.
- ✓ Pendaratan gerila di Johor bermula Ogos 1964 sehingga Disember 1964.

2

- ✓ Tindakan ketenteraan terawal berlaku apabila pendaratan tentera dan separa tentera Indonesia di Tebedu, Sarawak pada 12 April 1963.
- ✓ Pada 27 Disember 1963, berlaku peristiwa berbalas tembakan antara tentera Malaysia dengan Indonesia di Kalabakan, Sabah.
- ✓ Pada 2 September 1964, berlaku peristiwa pendaratan seramai 30 orang gerila Indonesia di Labis, Johor. Gerila Indonesia yang masuk ke Johor ditahan oleh pasukan tentera Malaysia.
- ✓ Dr Ismail Abdul Rahman membawa isu serangan ini ke dalam Majlis Keselamatan PBB. Kaedah provokasi tidak mengubah pendirian Malaysia untuk bertindak selain cara diplomatik.



5.6

Konfrontasi dan Usaha Menangani

<https://konfrontasidanusahamenangani.com.my>

Langkah Menamatkan Konfrontasi



- 1 Dilakukan oleh U Thant (Setiausaha Agong PBB).
- 2 Beliau mengutus wakilnya C.V. Narasimhan pada bulan Februari 1963 untuk berunding dengan pemimpin kerajaan Indonesia dan Persekutuan Tanah Melayu.



- 3 Dilakukan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj apabila beliau menerima undangan Presiden Soekarno untuk bertemu di Tokyo pada 1963.
- 4 Beliau menerangkan tujuan pembentukan Malaysia.

- 5 Dilakukan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj ketika menghadiri mesyuarat bersama-sama Presiden Soekarno dan Presiden Macapagal di Manila pada 31 Julai - 5 Ogos 1963.
- 6 Hasil penting ialah penerimaan kerajaan Indonesia dan Filipina terhadap pembentukan Malaysia selepas penilaian dibuat oleh PBB terhadap Sarawak dan Sabah.

2

- 1 Dilakukan oleh Presiden Macapagal.
- 2 Beliau menganjurkan rundingan peringkat pegawai di Manila pada 9 April 1963.
- 3 Wakil negara kita ialah Muhammad Ghazali Shafie.



4

- 1 Dilakukan oleh Tun Abdul Razak Hussein ketika menghadiri mesyuarat peringkat Menteri Luar di Manila pada 7-11 Jun 1963 bagi mencari penyelesaian konfrontasi.
- 2 Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia, hadir bagi pihak negaranya.



1963

5.6

Konfrontasi dan Usaha Menangani

<https://konfrontasidanusahamenangani.com.my>

Langkah Menamatkan Konfrontasi



- Rundingan Malaysia, Indonesia dan Filipina berlangsung pada tahun 1964 melibatkan dua persidangan peringkat menteri di Bangkok dan satu sidang kemuncak di Tokyo.
- Peranan utama yang dimainkan oleh Thanat Khoman (Menteri Luar Thailand) yang menganjurkan pertemuan dengan Menteri Luar Indonesia.



- Kerajaan Indonesia mengumumkan penamatan konfrontasi pada 4 Ogos 1966.

6

1964

7

1965

- Peralihan kepimpinan di Indonesia pada 30 September 1965 menamatkan konfrontasi.
- Jeneral Suharto melantik Jeneral Ali Moertopo dan Adam Malik untuk berunding menamatkan konfrontasi.

8

9

1966

- Tunku Abdul Razak Hussein menandatangani perjanjian Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia - Malaysia di Jakarta pada 11 Ogos 1966.





Kepentingan untuk berfikiran strategik bagi mencapai kejayaan dalam kehidupan.



Kesepakatan adalah penting bagi mewujudkan kestabilan negara.



Sikap menerima dan meraikan idea serta pandangan yang berbeza penting bagi kesejahteraan negara.




Sikap sentiasa berwaspada kepada anasir luar penting bagi menjaga keselamatan dan kedaulatan negara.



Kita hendaklah sentiasa berfikiran positif dan menerima pandangan yang membina bagi membolehkan kita mencapai cita-cita.



Kemerdekaan dan bebas daripada kuasa luar membolehkan proses pembangunan dan pemodenan dilakukan dengan jayanya.



RUMUSAN BAB

Pembentukan Malaysia merupakan usaha menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Persekutuan Malaysia. Usaha pembentukan Malaysia menghadapi cabaran terbesar untuk mendapatkan sokongan dan kerjasama daripada semua rakyat. Pembentukan Malaysia turut menghadapi cabaran pada peringkat antarabangsa apabila negara jiran, iaitu Indonesia dan Filipina menentang pembentukan ini. Sokongan yang diberikan oleh rakyat membolehkan pembentukan Malaysia diisytiharkan dengan jayanya. Keterlibatan pemimpin, pegawai kerajaan dan masyarakat tempatan menghasilkan satu persetujuan melalui Perjanjian Malaysia 1963. Malaysia berjaya diisytiharkan pada 16 September 1963. Pengajaran utama yang boleh diambil daripada pembentukan Malaysia ialah kepentingan kesepakatan untuk kestabilan negara.

